

16/10/2003

TPM setuju veteran undur

PUTRAJAYA: Calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang mesti mampu melaksanakan tugas, berdisiplin dan dapat meraih sokongan pengundi, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pada setiap pilihan raya, perkara paling penting adalah memastikan kemenangan BN yang banyak bergantung kepada pemilihan calon.

"Jadi, calon sama ada daripada golongan muda atau dewasa pengalaman, kita tidak kira siapa. Tetapi jika ada ruang memberikan kepada golongan muda untuk jadi calon, ia perkembangan yang baik kepada masa depan BN," katanya selepas melawat Ekspo OIC 2003 di sini, semalam.

Abdullah yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Presiden Umno dan Pengerusi BN daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulas nasihat Dr Mahathir supaya ahli politik veteran yang memegang jawatan berundur untuk memberi laluan kepada muka baru.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu memberi peluang kepada muka baru dan membantu kempen bagi menjamin kemenangan calon baru itu pada pilihan raya umum akan datang.

Abdullah yang menyifatkan nasihat Dr Mahathir itu sebagai ikhlas, mengalu-alukan jika ada ahli politik yang sedia memberi jalan kepada kemunculan tenaga baru.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini belum ada ahli politik menyatakan kesediaan untuk berundur.

Mengenai korum persidangan Dewan Rakyat yang tidak mencukupi sehingga persidangan terpaksa ditangguhkan beberapa kali, Abdullah mengulangi nasihatnya supaya wakil rakyat BN hadir.

"Kita mahu pastikan jangan sampai mesyuarat dibatalkan," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata nasihat Dr Mahathir itu bertujuan menjamin kemenangan besar BN pada pilihan raya umum akan datang apabila parti dan negara diterajui Abdullah.

Naib Presiden Umno itu berkata, Perdana Menteri menyatakan pandangannya kerana yakin pemilihan calon mustahak jika mahu mendapat sambutan dan sokongan padu pengundi.

"Saya yakin Pak Lah mengambil kira hal ini dan beliau mempunyai pertimbangan sendiri, lebih-lebih lagi kerana pengundi dan masyarakat sekarang semakin bijak menilai calon.

"Justeru, adalah penting kita meletakkan calon yang diterima rakyat dengan mengimbangi muka lama dan baru," katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, juga berkata kenyataan Dr Mahathir itu untuk memastikan peralihan wakil rakyat BN berjalan lancar.

Beliau berkata, BN memerlukan gabungan calon yang berpengalaman dan wakil rakyat baru yang mampu bekerjasama untuk memenangi pilihan raya umum akan datang.

"Pemimpin yang berpengalaman perlu melatih, mengajar dan membentuk pemimpin muda, memberi masa untuk mereka belajar sebelum mereka mengundur diri.

"Perdana Menteri tidak berkata mereka perlu berundur sekarang, sebaliknya beliau menyebut, persaraan patut menjadi sebahagian agenda kita," katanya.

Rafidah berkata, seharusnya setiap pemimpin veteran perlu bersara secara

sukarela dan seterusnya menyokong calon parti untuk menjamin kemenangan dalam pilihan raya.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, pula berkata veteran BN perlu menilai kepentingan mereka untuk menyumbang kepada parti masing-masing sebelum mengambil keputusan berhenti.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, bersetuju dengan nasihat Perdana Menteri kerana ia dapat memberi peluang kepada lebih ramai golongan muda dan muka baru menonjolkan kebolehan.

Bagaimanapun, beliau percaya Dr Mahathir tidak bermaksud semua pemimpin veteran perlu mengundur diri secara serentak pada masa sekarang.

Di MUAR, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berpendapat nasihat Dr Mahathir adalah tepat dan berasaskan pengalaman beliau sendiri dan suasana negara ketika ini.

"Elok juga di kalangan kita yang sudah lama, mengambil nasihat Perdana Menteri itu. Pasti kita mempunyai ramai bakat baru yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Sementara itu, Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, berkata negara memerlukan pemimpin berkaliber untuk membentuk barisan Kabinet yang mantap dan mampu melaksanakan segala dasar kerajaan demi kepentingan rakyat.

"Jika ada keperluan pemimpin veteran diganti, mungkin elok ia dilakukan supaya orang baru turut berpeluang membangunkan negara.

"Bagaimanapun, kalau yang sedia ada masih popular, boleh berkhidmat dan diterima ramai, apa salahnya dikekalkan walaupun mereka dilihat sebagai veteran," katanya ketika ditemui di Lobi Parlimen.